

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH SEKOLAH HIJAU
MPSP 2011 PADA 8 NOVEMBER 2011 DI AUDITORIUM, MPSP**

Terima Kasih Pengacara Majlis.

**Yang Berusaha Encik Oon Neow Aun, selaku pengurus Pasukan Kerja LA21
Rumahku Mesra Alam**

Yang Dihormati Tuan-tuan dan Puan-puan Ahli Majlis-Ahli Majlis MPSP

**Yang Berusaha Encik Yen Siew San, Ketua Pegawai Eksekutif Continental
Automotive Components Malaysia Sdn Bhd**

**Yang diraikan anak-anak kita, pelajar-pelajar yang mengambil bahagian dalam
Program Sekolah Hijau MPSP 2011**

Rakan-rakan Media, Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera dan
selamat pagi.**

**Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan maaf dari Y.B. Tuan Chow Kon Yeow
kerana tidak dapat hadir pada pagi ini. Saya telah diminta untuk mewakili
mereka**

1. Bersyukur kita kepada tuhan kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan untuk sama-sama menghadiri *Majlis Penyampaian Hadiyah Anugerah Sekolah Hijau MPSP 2011* pada pagi ini.
2. Terlebih dahulu saya ucapkan sekalung tahniah kepada sekolah yang telah berjaya menjadi Johan dalam pertandingan Anugerah Sekolah

Hijau 2011 iaitu SMK Dato' Onn dan SJK (C) True Light. Bagi yang tidak berjaya, jangan putus asa, walaupun tidak berjaya untuk menjadi Johan tetapi sebenarnya anda semua telah menunjukkan komitmen yang tinggi serta melaksanakan ciri-ciri amalan hijau dengan cemerlang

Saya difahamkan Program Anugerah Sekolah Hijau 2011 telah menarik perhatian **Syarikat Continental Automotive Components Malaysia Sdn Bhd** untuk bekerjasama dan memberi sumbangan sebanyak RM 20,000. Saya juga dimaklumkan tajaan ini adalah yang kali kedua di mana pada tahun 2010 jumlah yang sama juga telah disumbangkan. Terima kasih daun keladi, tahun depan sumbanglah lagi. Saya juga menyeru di tahun-tahun akan datang, lebih banyak penaja tampil ke hadapan untuk bersama MPSP dalam menjayakan program 'Cleaner Greener Penang' ini.

Tuan-tuan, Puan-puan yang saya hormati sekalian,

3. Anugerah Sekolah Hijau pada tahun ini telah mendapat penyertaan sebanyak 36 buah sekolah iaitu 17 buah Sekolah Menengah dan 19 buah Sekolah Rendah. Terdapat peningkatan sebanyak 6 buah sekolah yang mengambil bahagian pada tahun ini berbanding dengan tahun 2010 iaitu hanya 30 buah sekolah sahaja yang merangkumi 16 buah sekolah menengah dan 14 buah Sekolah Rendah.

4. Tujuan utama program Anugerah Sekolah Hijau adalah untuk menjadikan amalan kitar semula sebagai satu budaya di kalangan pelajar. Amalan ini perlu bagi mendidik pelajar bersama-sama memulihara alam sekitar daripada terus tercemar.

Di samping itu, amalan hijau di sekolah-sekolah juga dapat membantu masyarakat menuju ke era sisa sifar. Kita perlu bermula dari peringkat sekolah

supaya generasi akan datang tidak menyalahkan kita kerana telah menggunakan semua sumber yang sedia ada dan menghasilkan sisa-sisa yang mencemar tanah, air dan udara.

5. Program kitar semula di sekolah memerlukan komitmen tinggi daripada semua pihak agar ia berjaya melahirkan generasi yang prihatin terhadap usaha pemuliharaan alam sekitar.

Kita sebagai ibu bapa juga wajar memainkan peranan untuk memastikan program pendidikan kitar semula di sekolah-sekolah mencapai matlamatnya dan yang paling penting kitar semula dapat menolong memelihara alam sekitar dan justeru itu dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat.

6. Sebenarnya dalam bumi ini, tiada bahan boleh dikatakan sebagai sampah atau sisa. Ia adalah sumber yang diletak di tempat yang salah. Sememangnya, salah satu daripada masalah alam sekitar yang semakin meruncing pada ketika ini ialah jumlah pembuangan sisa pepejal yang semakin meningkat serta bilangan tapak pelupusan sisa buangan yang semakin berkurangan.

7. Walaupun terdapat teknologi-teknologi canggih untuk pelupusan sisa pepejal wujud pada masa kini, namun usaha-usaha ini tidak akan mencukupi. Sebenarnya di samping pelupusan sisa pepejal, kita harus juga menumpukan perhatian kepada isu pengurangan sisa pepejal itu sendiri. Di situ kefahaman dan pembudayaan amalan kitar semula oleh segenap lapisan masyarakat dapat memainkan peranan yang amat penting.

Tuan-tuan, Puan-puan yang saya hormati sekalian,

8. Kejayaan program pada pagi ini juga menuntut adanya kefahaman dan kerjasama di antara MPSP dan para pendidik bagi menjayakan Program Kitar Semula. Melalui kerjasama yang erat inilah, hasrat MPSP untuk menjadikan

Seberang Perai sebuah tempat yang bersih, indah dan selesa untuk didiami, bekerja dan kompetitif untuk pelaburan dapat sama-sama kita jayakan.

9. Dengan adanya program yang seumpama ini maka diharapkan MPSP akan dapat meningkatkan lagi interaksi dan kesedaran di kalangan pelajar-pelajar sekolah mengenai kepentingan menjaga alam sekitar serta meningkatkan penggunaan semula bahan buangan, melaksanakan aktiviti kitar semula dan seterusnya mengurangkan sampah ke tapak pelupusan.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

10. Sekiranya semua masyarakat kita mengamalkan kitar semula samada di sekolah, rumah, pejabat, industri dan lain-lain kemudahan, maka kadar ini dapat ditingkatkan dan sekaligus MPSP akan dapat menjimatkan jutaan ringgit. Hasil daripada penjimatan ini, MPSP sudah pasti dapat membelanjakan wang tersebut untuk keperluan rakyat dan penduduk Seberang Perai.

10.1 Kitar semula MPSP bagi tahun 2010 adalah 23.5%

10.2 Bahan kitar semula bagi tahun 2010 adalah 129,804 tan. Oleh itu, purata kitar semula setiap hari di MPSP adalah sebanyak 356 tan / hari, dengan penjimatan kos pengurusan sisa pepejal di Pulau Burung adalah RM6,052 sehari. ($356 \times RM17$ (appy fees)). Penjimatan kos pengurusan di Transfer Station Ampang Jajar ialah RM7,476 sehari ($356 \times RM21$). Jumlah penjimatan sehari = RM13,528.00. Penjimatan susulan = RM405,840.00. Jumlah penjimatan setahun = RM4.93 juta. Oleh itu penjimatan ini jika berterusan boleh disamakan untuk pembangunan di MPSP.

11. Tanpa kita menjayakan program kitar semula, penjanaan sisa pepejal akan terus meningkat apabila Seberang Perai terus berkembang maju selaras dengan pertumbuhan ekonomi dan pertambahan penduduk. Beban kewangan MPSP juga akan meningkat apabila ia perlu mencari kaedah terbaik untuk melupuskan sisa pepejal yang semakin meningkat dan keperluan untuk mematuhi syarat penjagaan alam sekitar yang semakin ketat.

12. Pada masa kini, aktiviti-aktiviti kitar semula semakin banyak dilaksanakan oleh pelbagai peringkat masyarakat. Ini sebenarnya merupakan suatu petanda yang positif di mana kebanyakan masyarakat Malaysia bukan sahaja sudah mempunyai rasa tanggungjawab malah telah mula bertindak untuk memelihara alam sekitar dengan mengamalkan kitar semula.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

13. Akhir kata, saya menyeru semua yang hadir pada hari ini untuk bersama-sama menyahut seruan Kerajaan Negeri dan MPSP, menggembung tenaga dalam menjayakan Program Kitar Semula di sekolah-sekolah tadika di seluruh Seberang Perai. Marilah kita sama-sama mengikis sikap negatif bahawa program kitar semula ini hanya menyusahkan serta tidak memberikan apa-apa faedah. Ada juga yang beranggapan bahawa masalah sampah bukanlah tanggungjawab mereka. Ini adalah tanggungjawab MPSP sahaja. Saya juga menyeru kerjasama semua masyarakat seberang Perai supaya tidak membuang sampah merata-rata tempat seperti longkang, parit yang membuatkan parit tersumbat dan akhirnya jika hujan akan mengakibatkan banjir. MPSP telah menubuhkan satu Jawatankuasa Bencana Alam MPSP pada 28 Oktober 2011. Marilah kita sama-sama menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan menjaga alam sekitar dan terlibat secara aktif dalam menjayakan program kitar semula ini.

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmaanirrahim sukacitanya saya merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Sekolah Hijau MPSP 2011.

Sekian, terima kasih.